

Rujukan : USM. 3/6 JLD. XXXI
Tarikh : 30 Januari 2024
Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 12 TAHUN 2024

- PERUBAHAN SYARAT MARKAH LAPORAN PENILAIAN PRESTASI (LPP) BAGI TUJUAN PENGESAHAN DALAM JAWATAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, semua staf yang dilantik baharu di Universiti Sains Malaysia (USM) dikehendaki berkhidmat dalam 'Percubaan' bagi tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun. Seterusnya, staf yang memenuhi semua syarat pengesahan dalam jawatan adalah layak disahkan dalam jawatan. Pada ketika ini, pihak Universiti menggunakan pakai kriteria berikut sebagai syarat pengesahan dalam jawatan staf pentadbiran:-

- i. Memenuhi tempoh percubaan selama satu (1) hingga tiga (3) tahun; dan
- ii. Lulus atau mendapat pengecualian Program Transformasi Minda (PTM); dan
- iii. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan (bagi skim perkhidmatan yang berkaitan); dan
- iv. Diperakukan oleh Ketua Jabatan; dan
- v. Mencapai markah Laporan Penilaian Prestasi (LPP) :
 - a) Tahun Pertama : 85%
 - b) Purata Tahun Kedua : 70%
 - c) Purata Tahun Ketiga : 60%

3. Dalam hal ini, pihak Universiti telah menambah baik syarat markah Laporan Penilaian Prestasi (LPP) bagi tujuan pengesahan dalam jawatan untuk staf Kumpulan Pelaksana, Pengurusan & Profesional (P&P), Guru Bahasa dan Staf Akademik. Berikut adalah **syarat baharu markah LPP bagi tujuan pengesahan dalam jawatan:**

- a) Tahun Pertama : 85%
- b) Purata Tahun 1 dan Tahun 2 : 80%
- c) Purata Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3 : 80%
- d) Tempoh Pelanjutan I : 80% (tahun semasa)
- e) Tempoh Pelanjutan II : 80% (tahun semasa)

4. Sila ambil maklum bahawa perubahan syarat markah LPP akan berkuat kuasa kepada staf baharu yang dilantik secara tetap mulai 1 Januari 2024. Maklumat mengenai syarat berkenaan juga akan dinyatakan di dalam surat tawaran.

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 12 TAHUN 2024

- **PERUBAHAN SYARAT MARKAH LAPORAN PENILAIAN PRESTASI (LPP) BAGI TUJUAN PENGESAHAN DALAM JAWATAN**

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Ketua Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia
- Menjalankan Fungsi Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar
Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar
Jabatan Pendaftar
Kampus Kejuruteraan

Ketua Penolong Pendaftar
Seksyen Pengurusan
Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju

Untuk hebahan dan tindakan mengikut kampus masing-masing. Terima kasih.

MAMS/MFAA/eeba...hebahanmarkahLPP(pengesahanjawatan)

Tel. : (6)04 6536070 ; Faks : (6)04 6534315 ; E-mel : azizudin@usm.my ; Web : registry.usm.my